

DATE: **05 APRIL 2016 (TUESDAY)**

MEDIA: **SINAR ONLINE – KEMATIAN AKIBAT TIBI MENINGKAT 1.7 PERATUS**

Retrieved from: <http://www.sinarharian.com.my/nasional/kematian-akibat-tibi-meningkat-1-7-peratus-1.506204>



DAPATKAN EDISI SINAR DIGITAL.
HANYA RM30 SEBULAN.

LANGGANI SEKARANG



ENGLISH Nasional Politik Edisi Semasa Bisnes Global Hiburan Sukan

Kematian akibat tibi meningkat 1.7 peratus

5 APRIL 2016



Hilmi Yahaya

KUALA LUMPUR - Jumlah kematian akibat penyakit Tibi atau batuk kering meningkat sebanyak 1.7 peratus bagi tempoh empat tahun sejak 2011, persidangan Dewan Rakyat diberitahu.

Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya berkata sebanyak 1,644 kematian dilaporkan akibat penyakit itu pada 2011 berbanding 1,672 kes pada 2015.

"Ada kematian ini berpunca daripada pesakit Tibi yang sepatutnya mendapatkan rawatan selama enam bulan tetapi mereka hilang dan tidak meneruskan rawatan," katanya.

Beliau berkata demikian semasa menjawab soalan Dr Michael Jeyakumar Devaraj (PSM-Sungai Siput) yang meminta Kementerian Kesihatan menyatakan bilangan kes baharu Tibi di negara ini dan bilangan kematian antara 2011 dan 2015 serta kadar kekebalan terhadap ubat-ubatan bagi kes baharu penyakit itu.

Dr Hilmi berkata sebanyak 20,666 kes baharu Tibib direkodkan pada 2011 berbanding 23,565 kes pada 2015, yang meningkat sebanyak 14 peratus.

Beliau menjelaskan penyakit Tibi perlu dirawat selama enam bulan tetapi ada pesakit yang mengalami 'Multiple Drug Resistant Tuberculosis' (MDRTB) iaitu kebal terhadap ubatan pertama Tibi.

"Oleh itu, pesakit MDRTB ini perlu dirawat dengan ubatan kedua yang memerlukan tempoh rawatan lebih panjang iaitu selama 18 bulan hingga dua tahun.

"Bagi Malaysia, peratus kes MDRTB dari 2010 sehingga 2014 adalah kurang daripada satu peratus. Pada 2014 sahaja, jumlah kes MDRTB yang dilaporkan adalah 104 kes daripada 24,079 pesakit baharu Tibi iaitu 0.4 peratus," katanya. - Bernama